



Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jilid 2 (2)

Tarikh : 26 Oktober 2017

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 5/2017

PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA ATAU AKREDITASI PENUH PROGRAM BIDANG TEKNOLOGI UNTUK PENGIKTIRAFAN LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat daripada Lembaga Teknologis Malaysia (*Malaysia Board of Technologist*, MBOT) bernombor rujukan MBOT.01.600-1/7/5/03.04(03) bertarikh 5 Oktober 2017 adalah berkaitan.

2. Pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah meneliti perkara ini dan ingin menegaskan seperti berikut:

- i. Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang ingin memohon akreditasi bagi program bidang teknologi untuk pengiktirafan MBOT **hendaklah mengemukakan permohonan tersebut kepada MQA** berdasarkan peruntukan yang telah ditetapkan di bawah seksyen 38(1) Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) bagi permohonan akreditasi sementara dan seksyen 50(1) Akta 679 bagi permohonan akreditasi penuh;
- ii. Akta 679 bukan undang-undang yang memberi kuasa untuk menentukan mana-mana badan untuk mengawal selia profesion, namun, seksyen 52(1) Akta 679 memperuntukkan kuasa kepada "badan profesional yang berkenaan" untuk meluluskan atau menolak pemberian akreditasi. Justeru, **PPT berhak membuat pilihan "badan profesional yang berkenaan"** semasa permohonan akreditasi dikemukakan kepada MQA; dan
- iii. Bagi mengelakkan kemungkinan percanggahan akta atau konflik dengan mana-mana badan profesional lain serta mengambil kira ketetapan bidang teknologi yang tidak jelas di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768), PPT dinasihatkan untuk memastikan bahawa program bidang teknologi tersebut **bukan berkaitan profesion atau profesional di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain**. Peruntukan di bawah seksyen 3(2) Akta 768 adalah dirujuk.

3. Adalah dimaklumkan bahawa hal-hal berkaitan prosedur dan penilaian permohonan akreditasi bagi program bidang teknologi untuk pengiktirafan MBOT, tanpa prejudis, adalah diselaraskan dengan prosedur dan penilaian yang telah ditetapkan oleh MQA terhadap mana-mana badan profesional lain berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 43 Akta 679 bagi permohonan akreditasi sementara dan seksyen 50 hingga 55 Akta 679 bagi permohonan akreditasi penuh.

4. Bagi memudahkan pihak MQA memproses permohonan, semua dokumen permohonan akreditasi sementara dan akreditasi penuh hendaklah dihantar bersama-sama dengan surat Akuan Persetujuan seperti di **Lampiran A**.

5. Pemakluman ini dikeluarkan sejajar dengan fungsi MQA sebagai badan kebangsaan yang melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF), mengakredit program atau kelayakan pendidikan tinggi, mengawal selia kualiti dan standard pemberi pendidikan tinggi dan mengadakan serta menyenggarakan Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR) untuk kepentingan umum.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(PROF. DR. HJ. HAZMAN SHAH BIN ABDULLAH)
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti)
Menjalankan Tugas Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
8. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
9. Pengerusi
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC)
Lembaga Teknologis Malaysia
A1-3-1, Ayer@8
Jalan P8G, Presint 8
62250 W.P. PUTRAJAYA

LAMPIRAN A

Ruj. Tuan :
Tarikh :

Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia
Tingkat 14B, Menara PKNS-PJ
No. 17, Jalan Yong Shook Lin
46050 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN
(u.p. : Unit Pendaftaran)
Faks : 03-7954 0259

Tuan,

AKUAN PERSETUJUAN SERAHAN DOKUMEN PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA / AKREDITASI PENUH PROGRAM BIDANG TEKNOLOGI UNTUK TUJUAN PENILAIAN:

- | | | |
|--------------------------|----|---|
| ☐ | 1. | Agensi Kelayakan Malaysia (<i>Malaysian Qualifications Agency, MQA</i>) |
| ☐ | 2. | Lembaga Teknologis Malaysia (<i>Malaysia Board of Technologist, MBOT</i>) |
| ☐ | 3. | (<i>lain-lain badan profesional, sila nyatakan</i>) |

NAMA PROGRAM :

NAMA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI :

Sehubungan itu, saya memahami bahawa jika program ini dinilai mengikut Pilihan 1, akreditasi tidak akan dinilai secara bersama dengan badan yang dinyatakan dalam Pilihan 2 atau Pilihan 3.

Sekiranya Pilihan 2 atau Pilihan 3 yang dipilih, peruntukan di bawah seksyen 43 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (bagi Akreditasi Sementara) dan seksyen 50 hingga 55 Akta yang sama (bagi Akreditasi Penuh) hendaklah diterima pakai.

Saya memahami dan bersetuju untuk menanggung risiko, sebarang implikasi dan kesan atas pilihan yang dibuat dan bertanggungjawab untuk memaklukkannya kepada pelajar dan pihak-pihak yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
Tandatangan dan Nama Pegawai

Cop rasmi :

Tarikh :